

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 8 TAHUN 2020**

Tarikh : **30 September 2020 (Rabu)**

Masa : **10.00 pagi**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI / PROGRAM BULANAN

Tayangan gambar pelaksanaan program/aktiviti yang telah berlangsung sepanjang bulan September 2020.

3.0 PERUTUSAN PENGERUSI

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 8/2020. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- ii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iii) Perkongsian berkaitan *Malaysia Urban Forum* (MUF) 2020 yang telah diadakan pada 28 hingga 29 September 2020 bertemakan *The Transformative Pathway and Actions To Deliver The Sustainable Agenda*.

Kajian yang dijalankan mendapati menjelang tahun 2045, Malaysia akan menghadapi cabaran dari segi perubahan profil demografi dan masyarakat berusia akan wujud dengan 14 peratus penduduk

berusia 65 tahun ke atas. Oleh itu, persekitaran bandar perlu menitikberatkan persekitaran fizikal yang mesra warga berusia dan mesra gender serta OKU.

Puan Yang Dipertua telah dijemput menyampaikan perkongsian berkenaan usaha MPSJ dalam mewujudkan Pelan Bandar Hijau Mesra Wanita di MPSJ memandangkan MPSJ merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang mewujudkan bandar hijau mesra wanita.

Perkongsian projek ini adalah bersangkutan paut dengan usaha kerajaan memberi keselesaan kepada semua, terutama membabitkan golongan gender iaitu wanita yang sering dikaitkan dengan golongan yang menjadi sasaran penjenayah.

Perancangan bandar hijau mesra wanita turut mengambil kira aspek pengangkutan awam, pencahayaan dan struktur kaki lima. Projek ini dilihat relevan bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada wanita bekerja termasuk pusat beriadah sejajar dengan gaya hidup sihat.

Projek bermula pada tahun 2018 dan MPSJ menggunakan 4 strategi dalam pelaksanaan Bandar Hijau Mesra Wanita MPSJ iaitu :

STRATEGI	PROGRAM
Strategi 1 :	▪ Program kesihatan wanita

STRATEGI	PROGRAM
Gaya Hidup Sihat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Program gaya hidup aktif – kempen kesedaran hak wanita ▪ Kajian indeks kebahagiaan dan kesejahteraan bandar ▪ Program imej sendiri dan personaliti ▪ Program membina institusi kekeluargaan ▪ Program kesenian dan kebudayaan
Strategi 2 : Peningkatan Sosio Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Program keusahawanan wanita ▪ Aplikasi elektronik keusahawanan ▪ Latihan pembangunan ekonomi ▪ Pusat keusahawanan wanita
Strategi 3 : Bandar Selamat dan Mudah Capaian	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Projek bandar pintar dan selamat MPSJ ▪ Laluan pejalan kaki bebas halangan ▪ Aplikasi elektronik bandar selamat ▪ Pemasangan CCTV di kawasan komersial ▪ Kempen keselamatan ▪ Latihan seni mempertahankan diri
Strategi 4 : Prasarana dan infrastructure	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perancangan pembangunan bandar mesra wanita ▪ Prasarana dan kemudahan khas wanita

- iv) Pemakluman berkenaan Program Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia pada tahun 2020 yang merupakan program kali keenam dan dilaksanakan setiap 10 tahun sekali selaras dengan pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Negara.

Kaedah banci dilaksanakan melalui 2 fasa iaitu :

FASA	TARIKH	KAEDAH
Fasa Pertama	7 Julai hingga 30 September 2020	Pengumpulan data secara atas talian melalui Portal e-Census
Fasa Kedua	7 hingga 24 Oktober 2020	Pengumpulan data secara bersemuka

MPSJ turut terlibat dalam program bancian kepada 775,000 penduduk meliputi kawasan Subang Jaya, Putra Height, Puchong, Kampung Sri Aman, Kampung Tengah dan sebahagian kawasan Serdang. Kakitangan MPSJ turut terlibat sebagai :

PETUGAS	BILANGAN
Penolong Pesuruhjaya	3
Penguasa Daerah	24
Penyelia (Kakitangan MPSJ dan Orang Awam Yang Berkelayakan)	292
Pembanci (Kakitangan MPSJ dan Orang Awam Yang Berkelayakan)	2040

- v) Selain daripada itu, Puan Yang Dipertua turut memaklumkan tentang pembaharuan lesen perniagaan dan iklan MPSJ bagi tahun 2021.

Susulan penularan wabak Pandemik Covid-19 yang masih belum dapat diputuskan lagi, MPSJ telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan pembaharuan lesen perniagaan dan iklan secara norma baharu iaitu sifar kaunter bagi kategori lesen berisiko rendah. Terdapat lebih 80% aktiviti pelesenan di bawah kategori lesen tred perniagaan telah disenaraikan dan wajib melaksanakan pembaharuan secara atas talian.

Pembaharuan lesen ini akan bermula daripada 1 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2020. Objektif utama pelaksanaan kaedah ini adalah untuk mengurangkan risiko penularan jangkitan akibat kesesakan pelanggan termasuk menghalang berlaku kontak rapat semasa proses semakan dan pembaharuan dilaksanakan di kaunter MPSJ. Secara tidak langsung, amalan penjarakan sosial dapat dilaksanakan dan diamalkan dalam usaha menghentikan rantaian Covid 19 ini.

Pembaharuan lesen secara atas talian (*online*) boleh dilaksanakan melalui laman web MPSJ, <http://www.mpsj.gov.my>. Pelanggan disyaratkan mendaftar dengan portal My@MPSJ terlebih dahulu dan tatacara permohonan dan pembaharuan lesen secara atas talian boleh dirujuk di laman web tersebut.

Walaupun bagaimanapun pembaharuan bagi lain-lain lesen perniagaan di bawah kategori lesen berisiko boleh dilaksanakan di kaunter bersepadu MPSJ mengikut prosedur yang ditetapkan bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 4.30 petang (Isnin – Jumaat) sepanjang tahun.

Pembaharuan dan pembayaran fi lesen juga boleh dilaksanakan di Kiosk Perkhidmatan Bayaran Layan Diri yang disediakan di Lobi Utama, Ibu Pejabat MPSJ sahaja. Kiosk layan diri ini juga menyediakan kemudahan cetakan lesen perniagaan.

Bagi melancarkan proses pembaharuan lesen perniagaan dan iklan, pelanggan perlu memastikan perkara-perkara di bawah telah diambil tindakan (sekiranya ada) :

- Menjelaskan tunggakan Notis Tawaran Kompaun;
- Memperbaharui permit pelan setara daripada Jabatan Bangunan MPSJ;
- Membuat bayaran pengurusan sampah bagi pengusaha restoran / premis makanan;
- Melantik kontraktor panel sisa industri dan perdagangan bagi pengusaha berkaitan;
- Selain itu pemilik perniagaan juga perlu memastikan semua syarat-syarat tambahan bagi lesen perniagaan dan iklan telah dipatuhi dan tempoh kelulusan tersebut masih sah sebelum pembaharuan lesen dibuat.

Pembaharuan lesen pasar pagi dan pasar malam MPSJ hanya akan dilaksanakan melalui Kaunter Bergerak yang akan dibuka di lokasi berniaga sahaja. Kaunter Bergerak akan mula beroperasi pada 17 November 2020 hingga 15 Disember 2020.

Lokasi	Masa
Pasar Pagi	9.00 pagi hingga 12.30 tengahari
Pasar Malam	5.00 petang hingga 9.00 malam

Peniaga boleh merujuk jadual kaunter bergerak melalui laman web MPSJ iaitu <http://www.mpsj.gov.my>.

- vi) MPSJ memandang serius terhadap isu yang melibatkan monopoli warga asing dalam sektor ekonomi terutama berkaitan aktiviti perniagaan seperti restoran, kedai runcit, pasaraya, kedai serbaneka termasuk lokasi penjaja di kawasan pentadbiran MPSJ.

Berdasarkan rekod Majlis dari bulan Januari 2019 sehingga September 2020, sebanyak 260 tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 62 (a) dan 62 (b) Undang-undang Kecil Establisymen Makanan dan Akta 10 (a) Undang-undang Kecil Tred Perniagaan telah dikenakan ke atas pemegang lesen/permit di beberapa lokasi kawasan komersial dan tapak penjaja atas kesalahan menggaji warga asing tanpa permit yang sah.

Sebanyak 146 Notis Tawaran Kompaun telah dikeluarkan manakala 66 unit premis telah disita dan 48 premis telah ditutup sepanjang operasi penguatkuasaan dijalankan. Jumlah tertinggi tindakan yang telah direkodkan adalah pada bulan Julai dan Ogos 2020 dimana pihak Majlis telah melaksanakan tindakan di lokasi-lokasi perniagaan kampung tradisi.

Oleh yang demikian, pihak Majlis menyeru kepada pengusaha premis perniagaan untuk memastikan pekerja warga asing yang diambil memiliki permit pekerjaan yang sah serta mengikut peraturan yang dibenarkan.

- vii) Pemakluman mengenai situasi semasa demam denggi di kawasan MPSJ. Sehingga 26 September 2020 terdapat sebanyak 5,504 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MPSJ. Pada Minggu Epid 39 iaitu dari 20 hingga 26 September 2020 terdapat sebanyak 2 lokaliti hotspot denggi iaitu di lokasi:
- i) Kwarters Polis dan bomba Sri Kembangan
 - ii) Flat Bukit Puchong, BP 1

Masyarakat diminta memastikan kawasan premis dan persekitaran masing-masing bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.

- viii) Situasi semasa Covid 19 sehingga 27 September 2020 sebanyak 10,919 kes positif dilaporkan di seluruh Malaysia dengan 134 kematian.

Di Negeri Selangor terdapat 2,235 kes positif dilaporkan. Bagi tempoh semasa, terdapat dua (2) kes Covid 19 dilaporkan di kawasan pentadbiran MPSJ.

Masyarakat diminta mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu *Wash* (kerap basuh tangan/guna handsanitizer), *Wear* (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), *Warn* (tidak bersalaman, etika batuk/bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- ix) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah mengadakan Kempen Jom Kibar, Terima Kasih Malaysia sempena sambutan bulan kemerdekaan yang ke 63 bermula pada 1 Ogos 2020 sehingga 16 September 2020.

Majlis penyerahan hadiah bagi pertandingan ini akan diadakan selepas Mesyuarat Penuh hari ini. Majlis akan menyampaikan hadiah kepada 6 pemenang bagi kategori Komuniti MPSJ (Taman Perumahan / Kampung Tradisi dan Pangsapuri) dibawah pentadbiran MPSJ iaitu tempat pertama akan menerima RM 2,000.00, tempat kedua RM 1,500.00 dan tempat ketiga

RM 1,000.00 manakala individu dibawah pentadbiran MPSJ akan menerima 50 hadiah cabutan bertuah yang telah disediakan.

x) Puan Yang Dipertua memaklumkan anugerah yang telah dimenangi oleh MPSJ iaitu :

- *Regional Innovation Showcase on Team Excellence* merupakan pertandingan inovasi peringkat kebangsaan anjuran *Malaysia Productivity Corporation (MPC)*. Pasukan MPSJ telah menyertai pertandingan peringkat wilayah tengah pada 3-4 September 2020 dan wilayah selatan pada 22-23 September 2020. Pasukan MPSJ telah memenangi pencapaian berikut :

Bil	Pasukan / Jabatan	Projek	Pencapaian
1.	Electrical Evo / Jab. Kejuruteraan	<i>Roadway Eletrical Asset Control Tracking</i>	▪ Anugerah Emas ▪ Anugerah Khas Ir.4.0
2.	PHP 3.0 / Jabatan Teknologi Maklumat	<i>Free Market</i>	▪ Anugerah Emas
3.	MC 10 / Jab. Undang-Undang	Inisiatif Pengurangan Kompaun Tertunggak	▪ Anugerah Perak

- 2020 UN-Habitat *Scroll of Honour Award* merupakan anugerah berprestij peringkat antarabangsa anjuran UN-

Habitat. Pada 3 Sept. 2020, MPSJ telah dimaklumkan secara rasmi berhubung penerimaan anugerah.

Kejayaan ini adalah di atas sumbangan MPSJ dalam melaksanakan inisiatif pemberdayaan komuniti yang menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang mampan dan berdaya tahan yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan ke-11 iaitu Bandar dan Masyarakat Mampan bersesuaian dengan tema Hari Habitat Sedunia 2020 "*Housing for All: A Better Urban Future*".

Secara keseluruhannya terdapat 120 pencalonan yang telah diterima oleh pihak UN-Habitat daripada seluruh dunia. Daripada jumlah tersebut 5 pemenang telah dipilih yang merupakan inisiatif komuniti terbaik yang telah dilaksanakan iaitu Uganda, Nepal, Colombia, Mexico dan Malaysia. Kemenangan MPSJ ini adalah sebagai mewakili Malaysia.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 7/2020

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 7/2020 bertarikh 26 Ogos 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 7/2020

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 7/2020 bertarikh 26 Ogos 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.14/2020 bertarikh 25 Ogos 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.15/2020 bertarikh 9 September 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.6 & m/s 47	Encik Yap Kok Weng	BP 7 : Seri Kembangan Kertas Kerja bil.: 237/15/72/2020	<p>Beliau memaklumkan bahawa semasa mesyuarat telah dibincangkan isu berkaitan cadangan pembinaan pusingan U (u-turn) di lokasi pembangunan Taman Equine oleh pemaju yang sama namun masih belum dibina sehingga hari ini. Mohon dicatatkan dalam minit mesyuarat.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta pindaan minit dibuat dengan mencatatkan cadangan pembangunan pusingan U oleh pemaju yang sama di lokasi pembinaan Taman Equine masih belum dibina sehingga ke hari ini. Diminta Jabatan Kejuruteraan membuat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				susulan berhubung cadangan pembinaan tersebut. Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar / Jabatan Kejuruteraan

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.16/2020 bertarikh 23 September 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.5/2020 bertarikh 9 September 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 4	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat di PBT Negeri Selangor oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Subang Jaya	<p>Beliau ingin tahu adakah program seperti ini pernah dilaksanakan di MPSJ sebelum ini?</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa program ini belum diadakan sebelum ini. Perkara ini akan diperhalusi sebelum dilaksanakan.</p> <p>Makluman</p>
2.	Para 4.1 & m/s 5		Pengurusan permohonan kerja-kerja Inden JKP MPSJ 2020	<p>Beliau ingin tahu status perkembangan permohonan inden JKP MPSJ 2020.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa permohonan kerja inden</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>JKP 2020 perlu diserahkan sebelum 30 September 2020. Namun demikian, bagi Ahli Majlis baharu yang dilantik tempoh penghantaran permohonan kerja inden dilanjutkan sehingga 31 Oktober 2020. Jabatan Pembangunan Masyarakat akan meneliti permohonan inden dan tambahan masa akan diberikan kepada projek yang tidak diluluskan serta memerlukan penggantian projek baharu.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
3.	Para 8.5.2 & m/s 21	Encik Yap Kok Weng	Pemantauan sekolah di bawah pentadbiran	Beliau meminta diberikan senarai kawasan hotspot sekolah yang dinyatakan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>MPSJ yang dikategorikan hotspot oleh AADK.</p>	<p>oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta diadakan satu mesyuarat khas di antara Agensi Anti Dadah Kebangsaan bersama Ahli Majlis kawasan yang tersenarai dalam senarai Agensi Anti Dadah Kebangsaan sebagai lokasi sekolah hotspot untuk diambil tindakan selanjutnya bagi mengekang gejala dadah di kalangan pelajar sekolah.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
4.	Para 8.5.3 & m/s 21		Keadaan cerun berhampiran Sekolah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong 2	Beliau meminta agar cerun berhampiran sekolah dipantau kerana berisiko berlakunya tanah runtuh. Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta perkara ini diambil tindakan segera. Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2020 bertarikh 10 September 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 5/2020 bertarikh 10 September 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.3.1 & m/s 2	Puan Yang Dipertua	<i>Retreat</i> Ahli Majlis	Beliau memaklumkan bahawa <i>National Scroll of Honour Award dari United Nation</i> akan diadakan di MPSJ pada 5 Oktober 2020. Oleh itu, cadangan tarikh <i>retreat</i> ahli majlis pada 2 hingga 5 Oktober 2020 dipinda selepas Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Subang Jaya dilaksanakan. Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 6.5.1 & m/s 3	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Pemasangan CCTV	<p>Beliau memaklumkan bahawa terdapat penghantar makanan Grab yang menggunakan laluan OKU sebagai laluan pintas. Dicadangkan MPSJ mengambil gambar bukti menerusi CCTV dan menghantar pembuktian tersebut kepada syarikat penghantar makanan yang terlibat bagi mengambil tindakan kepada pesalah.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan tersebut namun perlu diteliti dari segi perundangan dan pelaksanaan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Undang-Undang / Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik / Penguatkuasaan</p>

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan
Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 7/2020 bertarikh
15 September 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan/pindaan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1.3 & m/s 3	Puan Lee Jen Uyin	Isu kenderaan buruk	Beliau meminta diminitkan masalah di kawasan USJ 7 dan USJ 19 adalah melibatkan isu kenderaan buruk sahaja. Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta urus setia Jawatankuasa Kawalan Perniagaan membuat pindaan minit mesyuarat. Tindakan : Jabatan Pelesenan

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 6/2020 bertarikh 17 September 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 6/2020 bertarikh 17 September 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan/pindaan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.2(ii) & m/s 6	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Program Sambutan Hari Sungai Sedunia 2020 Peringkat Negeri Selangor dan Pelancaran Inisiatif Friends of River	Beliau mewakili Jawatankuasa Penduduk dan Y.B. Tuan Ir Izham bin Hashim menyampaikan ucapan terima kasih kepada MPSJ di atas kelancaran Program Sambutan Hari Sungai

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Sedunia 2020 Peringkat Negeri Selangor dan Pelancaran Inisiatif <i>Friends of River.</i></p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 7.3.4 & m/s 15	Encik Mohamad Syafik bin Mohamad	Masalah anjing liar	<p>Beliau memaklumkan terdapat kes gigitan anjing liar di kawasan PJS 7 pada hari ini. Dimohon tangkapan anjing dilaksanakan segera.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta tangkapan anjing liar dilaksanakan serta merta di kawasan tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA / USUL

7.1 Kertas Cadangan Garis Panduan Terperinci Reka Bentuk Bandar Selamat Majlis Perbandaran Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil.20/9/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Pengarah Perancangan Bandar.

Perbincangan Mesyuarat :

BIL	AHLI MAJLIS	CADANGAN
1.	Puan Lee Jen Uyin	Beliau meminta supaya di kaji semula kemudahan dan infra yang boleh disyaratkan kepada pemaju untuk pembinaan rumah kos rendah seperti kemudahan asas sukan dan lain-lain.
2.	Yap Kok Weng	Diminta agar ketinggian pokok yang selamat dicatatkan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima Garis Panduan Terperinci Reka Bentuk Bandar Selamat Majlis Perbandaran Subang Jaya. Jabatan teknikal perlu memastikan pelaksanaan garis panduan ini dipatuhi bagi pembangunan baharu.

Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

7.2 Kertas Makluman Pemberian Lesen Penjaja Sementara Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Negeri Selangor (Kertas Mesyuarat Bil.21/9/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Pelesenan dan dibentangkan oleh Penolong Pengarah Kanan Pelesenan.

Perbincangan Mesyuarat :

BIL	AHLI MAJLIS	CADANGAN
1.	Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli	Beliau berpandangan pemberian lesen penjaja sementara pasca PKP ini hanya sesuai untuk perniagaan secara penghantaran sahaja dan bukannya melibatkan gerai atau warung.
2.	Encik Koh Eng Kee	Beliau mencadangkan agar permit sementara ini diberikan tempoh masa 3 bulan dan perlu diperbaharui. Kelulusan pembaharuan permit adalah tertakluk kepada keadaan semasa dan aduan.
3.	Puan Lee Jen Uyin	Beliau mencadangkan permit sementara ini diberikan had masa beroperasi.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju secara dasar menerima Kertas Makluman Pemberian Lesen Penjaja Sementara Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, semua permit sementara penjaja perlu dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penjaja untuk dipertimbangkan seterusnya pelaporan permit sementara akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan untuk makluman.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

7.3 Usul Pelantikan Pengerusi Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT) Tidak Wajar Melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan

Usul ini disediakan dan dibentangkan oleh Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim, Ahli Majlis MPSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima usul yang dibentangkan.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

8.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 2 Oktober 2020

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 7. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 8. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |
| 9. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 11. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 12. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 13. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 14. | Encik Thamilarasu Sandayan | - | " |

15.	Encik Wong Yii Seang	-	"
16.	Encik Lee Jen Uyin	-	"
17.	Encik Koh Eng Kee	-	"
18.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
19.	Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
20.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
21.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Sr Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
13. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
14. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
15. Sr Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
16. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

18. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
19. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
20. Encik Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Mohd Fitri bin Jamaludin - Ahli Majlis
2. Puan Ng Seow Chen - "
3. Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi - "
4. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
5. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan